

Kertas Bil. 43/2019



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KEEMPAT BELAS
PADA 29 DAN 31 JULAI 2019**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN,
KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (*SPECIAL SELECT
COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND
TRANSPARENCY - SELCAT*) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR
BERKENAAN
PROJEK TAMAN AIR MANIS, PANCHANG BEDENA, SABAK BERNAM
KERTAS BILANGAN 15/2019**

MAKLUM BALAS PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY – SELCAT), DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROJEK TAMAN AIR MANIS, PANCHANG BEDENA, SABAK BERNAM BAGI MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 29 & 31 JULAI 2019

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/ TINDAKAN MMKN |
|-------------------------------------|---|--|----------|---------|---|
| Kertas Mesyuarat Bilangan 15 / 2019 | PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY – SELCAT), DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROJEK TAMAN AIR MANIS, PANCHANG BEDENA, SABAK BERNAM | 1. PNSB membuat pasaran, tanah, kos dan lain-lain sebelum cadangan pindaan keempat pembangunan dikemukakan kepada OSC. | | | <p>PNSB, melalui PNSB Management & Consultancy Sdn Bhd (PMC), iaitu sebuah anak syarikat milik penuh PNSB telah menjalankan satu kajian yang menyeluruh yang meliputi kajian pasaran dan kajian kedayahidupan (<i>feasibility study</i>) mengenai pembangunan projek ini.</p> <p>Selain itu, PNSB juga telah menyediakan satu layout plan yang telah mengambilkira kajian tersebut.</p> <p>Walau bagaimanapun, pihak Ahli Lembaga Pengarah PNSB telah meminta supaya diadakan tender secara terbuka melalui RFP.</p> <p>Untuk tujuan tersebut, satu RFP telah diiklankan di surat khabar terpilih pada 11 September 2019. Lawatan tapak telah diadakan pada 24 September 2019 manakala tarikh tutup tawaran RFP ini ialah pada 12 November 2019 pada jam 12</p> |



YAB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
Datu' Menteri Besar Selangor

MAKLUM BALAS PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY - SELCAT), DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROJEK TAMAN AIR MANIS, PANCHANG BEDENA, SABAK BERNAM BAGI MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 29 & 31 JULAI 2019

| | | | | | tengahari. (Dilampirkan keratan iklan) |
|--|--|--|--|--|--|
| | | <p>2. PNSB perlu meneruskan pembinaan pusat R&R seperti yang diputuskan oleh MIMKN kerana terdapat keperluan dan ianya merupakan projek CSR yang dipertanggungjawabkan kepada PNSB.</p> | | | <p>PNSB kini sedang di dalam proses perbincangan bersama semua pihak yang terlibat dan satu kajian terperinci akan dibuat dengan mengambilkira kos pembangunan, keuntungan dan lain-lain lagi.</p> |
| | | <p>3. Perbincangan dan kajian lebih lanjut perlu dibuat untuk memastikan lokasi tapak R&R adalah sesuai dan selamat. Sekiranya lokasi baru disyorkan, ianya perlu dibawa ke MIMKN untuk kelulusan.</p> | | | <p>PNSB telah mengenalpasti tapak baru untuk membina R&R iaitu di atas tanah milik Majlis Daerah Sabak Bernam yang terletak berdekatan dengan tapak projek ini. Secara dasarnya, pihak Majlis Daerah Sabak Bernam juga telah bersetuju untuk R&R di bina di lokasi tersebut.</p> |



YAB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
Dato' Menteri Besar Selangor

MAKLUM BALAS PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY - SELCAT), DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROJEK TAMAN AIR MANIS, PANCHANG BEDENA, SABAK BERNAM BAGI MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 29 & 31 JULAI 2019

| | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | <p>PNSB juga akan membuat beberapa siri perbincangan lagi bersama MDSB dan selepas keputusan bersama dicapai, satu kertas kerja akan disediakan untuk tujuan kelulusan MMKN mengenai lokasi baru R&R ini.</p> |
| | <p>4. Ketua Pegawai Eksekutif MBI selaku Ahli Lembaga Pengarah PNSB perlu mempunyai fokus dan sasaran yang jelas dan seterusnya boleh membuat keputusan mengenai cadangan projek Taman Air Manis agar tiada lagi kelewatan dalam pelaksanaannya.</p> | | | | <p>Buat masa kini, PNSB bersama MBI di dalam proses menubuhkan satu jawatankuasa yang mempunyai pengalaman luas di dalam pembangunan hartanah bagi tujuan pemantauan perkembangan projek ini dari masa ke semasa. PNSB berhasrat untuk menjadikan sekurang-kurangnya 80% daripada pembangunan di Taman Air Manis ini sebagai RSKu.</p> |
| | <p>5. Perbincangan di antara MBI dan PNSB adalah wajar dilaksanakan secara menyeluruh dan holistik apabila melaksanakan projek pembangunan, terutamanya projek-</p> | | | | <p>Perbincangan PNSB & MBI telah dimulakan dan akan diteruskan dari masa ke semasa bagi memastikan projek ini berjalan lancar dan bagi tujuan mengelakkan sebarang kelewatan di masa akan datang.</p> |



YAB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
 Datu' Menteri Besar Selangor


MAKLUM BALAS PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY - SELCAT), DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROJEK TAMAN AIR MANIS, PANCHANG BEDENA, SABAK BERNAM BAGI MESYUARAT KEDUA PENGAGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 29 & 31 JULAI 2019

| | | | | | |
|--|--|---|--|--|--|
| | | <p>projek yang melibatkan perancangan Kerajaan Negeri Selangor sebelum keputusan dicapai bagi melaksanakan berlaku kekerapan pindaan.</p> <p>6. PNSB disarankan memastikan kod tadbir urus yang baik dalam urusan pelantikan juru perunding dan mengenal pasti peranan masing-masing di masa akan datang.</p> | | | <p>PNSB telah bersetuju untuk melantik PMC, selaku anak syarikat milik penuh PNSB, sebagai Pengurus Projek ini bagi tujuan pembangunan di Taman Air Manis.</p> <p>Oleh itu, segala pemilihan dan pelantikan juruperunding yang baru atau lama akan ditentukan oleh PMC sendiri berdasarkan kepada SOP yang telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah PNSB.</p> |
|--|--|---|--|--|--|


YAB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
 Dato' Menteri Besar Selangor

MAKLUM BALAS PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY - SELCAT), DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROJEK TAMAN AIR MANIS, PANCHANG BEDENA, SABAK BERNAM BAGI MESYUARAT KEDUA PENGAGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 29 & 31 JULAI 2019

| | | | | |
|--|--|--|--|---|
| | | <p>7. Setiap jabatan teknikal perlu memberi maklum balas ulasan terhadap setiap permohonan yang dikemukakan dalam tempoh yang diberikan untuk mengelakkan kelewatan pelaksanaan sesebuah projek.</p> | | <p>PNSB akan sentiasa membuat follow-up bagi memastikan tiada kelewatan dari segi kelulusan dan sekiranya timbul permasalahan, PNSB akan menyelesaikan dengan kadar segera dan sebaik mungkin.</p> |
| | | <p>8. Anak syarikat kerajaan negeri mengamalkan urusan yang telus dan kompeten dalam melaksanakan sesuatu projek khususnya yang melibatkan wang rakyat.</p> | | <p>Seperti projek pembangunan yang lain, PNSB akan memastikan perkara ini dipatuhi bagi memastikan integriti PNSB selaku anak syarikat milik penuh MBI dijaga sepenuhnya berdasarkan kepada aspek perniagaan dan komersial.</p> |



YAB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
Dato' Menteri Besar Selangor

MAKLUM BALAS PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY - SELCAT), DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROJEK TAMAN AIR MANIS, PANCHANG BEDENA, SABAK BERNAM BAGI MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 29 & 31 JULAI 2019

| | | | | |
|--|--|--|--|---|
| | | <p>9. Kerajaan negeri wajib mewujudkan satu elemen pemantauan bebas yang lebih komprehensif agar kelemahan sebegini tidak berlaku dalam mana-mana projek pembangunan oleh mana-mana anak syarikat kerajaan negeri yang lain.</p> | | <p>PNSB mengambil maklum dan akan mematuhi apa jua saranan atau cadangan daripada Kerajaan Negeri.</p> |
| | | <p>10. Pengurusan PNSB, khususnya kedudukan Ketua Pegawai Eksekutif wajar dikaji semula dan beliau sepatutnya mengambil tanggungjawab penuh terhadap kegagalan projek ini.</p> | | <p>Projek ini secara umumnya tidak gagal kerana PNSB sedang dalam proses untuk mengkaji semula pembangunan projek ini secara menyeluruh bagi memberikan pulangan yang terbaik dan memastikan projek ini berjalan dengan lancar.</p> |



YAB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
Dato' Menteri Besar Selangor

MAKLUM BALAS PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY - SELCAT), DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROJEK TAMAN AIR MANIS, PANCHANG BEDENA, SABAK BERNAM BAGI MESYUARAT KEDUA PENGAGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 29 & 31 JULAI 2019

| | | | | |
|--|--|--|--|---|
| | | <p>11. Kerajaan Negeri perlu mewujudkan satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh EXCO Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kehidupan Bandar dan dianggotai oleh Ahli Dewan Negeri Kawasan Sabak, Pegawai Daerah, Yang DiPertua, PNSB, Ahli Parlimen, jabatan dan agensi berkaitan untuk memastikan projek ini dimulakan dan disiapkan dalam tempoh yang dijanjikan.</p> | | <p>PNSB tidak mempunyai halangan di atas cadangan ini dan mengalu-alukan penglibatan semua pihak yang berkepentingan bagi memastikan pembangunan di kawasan Taman Air Manis ini dapat memberikan pulangan/manfaat yang terbaik kepada penduduk sekitar Sabak Bernam khususnya dan rakyat Negeri Selangor khasnya.</p> |
|--|--|--|--|---|



YAB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
Dato' Menteri Besar Selangor